

Sebulat suara setuju Anwar jadi Perdana Menteri

Enam wakil PKR buat ketetapan bahawa Anwar ganti Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri

Oleh ZUBIR SULAIMAN

PETALING JAYA

Majlis Pemimpin Pusat (MPP) Parti Keadilan Rakyat (PKR) semalam menetapkan kesemua enam wakil PKR dalam Majlis Presiden PH mesti membawa suara yang sama semasa membincangkan isu peralihan kuasa Perdana Menteri daripada Tun Dr Mahathir Mohamad kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Setiausaha Agung PKR, Saifuddin Nasution Ismail berkata, enam wakil parti dalam Majlis Presiden PH tersebut ialah Anwar, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, Tian Chua, Dr A Xavier Jayakumar dan beliau sendiri. Menurutnya, keputusan



Saifuddin ditemui pemberita selepas Mesyuarat Majlis Pimpinan Pusat PKR di Ibu Pejabat PKR, Petaling Jaya semalam. Gambar kecil: Anwar

sebulat suara mengenai perkara itu telah dibuat pada Januari tahun lalu dan ia mesti diputus.

“Saya juga ingin mengatakan bahawa MPP hari ini (semalam) telah membincangkan perkara berkaitan peralihan (kuasa) terutama sejak minggu ini banyak pihak memberikan pendapat mereka. Maka MPP telah membincangkan dengan panjang lebar dan berikut adalah pendirian

MPP yang diambil hari ini.

“MPP mengulangi keputusan yang dibuat biro politik dan juga kongres parti dengan kedudukan Anwar sebagai calon Perdana Menteri seperti yang diputuskan pada 6 Januari 2018,” katanya ketika ditemui pemberita selepas menghadiri mesyuarat MPP PKR di Ibu Pejabat PKR di sini semalam.

Saifuddin yang Menteri Perdagangan Dalam Negeri

dan Hal Ehwal Pengguna berkata, mereka yang dilantik mewakili parti juga tidak boleh membawa suara peribadi dalam Majlis Presiden PH sebaliknya kekal dengan pendirian parti yang memilih Anwar sebagai pengganti Dr Mahathir.

“Mereka tidak boleh bawa pandangan peribadi kerana yang mengikat kita adalah keputusan atau pandangan parti,” katanya.

Sebelum ini, Isu peralihan kuasa menjadi perdebatan berikutan desakan beberapa pihak yang meminta Dr Mahathir menetapkan tarikh pada bulan Mei ini untuk menyerahkan jawatan Perdana Menteri kepada Anwar.

Dr Mahathir bagaimana pun menyatakan bahawa peralihan kuasa hanya akan berlaku selepas Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (Apec) 2020 selesai dianjurkan akhir tahun ini.

Pada 14 Januari lalu, Dr Mahathir berkata, beliau bersedia untuk melepaskan jawatannya serta-merta sekiranya Majlis Presiden PH mahu beliau berbuat demikian.